

Taman Rimba, Sungai Pinang jadi tumpuan sejukkan badan

BALIK PULAU: Cuaca panas berpanjangan yang melanda Pulau Pinang sejak beberapa hari lalu menyebabkan orang ramai memilih pusat-pusat rekreasi semula jadi bagi menyejukkan badan selain meluangkan masa bersama keluarga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kawasan seperti Taman Rimba Teluk Bahang dan Pusat Rekreasi Sungai Pinang di Balik Pulau antara lokasi yang kerap menjadi tumpuan pengunjung, khususnya pada waktu tengah hari sehingga petang.

Di Taman Rimba Teluk Bahang, kehadiran pengunjung turut meningkat apabila orang ramai memanfaatkan cuti umum sempena Thaipusam untuk berkelah di kawasan sungai kerana laluan hutan itu yang tenang daripada kesibukan bandar.

Seorang pengunjung, Muhammad Aizul Muslim, 32, berkata, dia dan rakan-rakannya sering ke pusat rekreasi itu ketika cuaca panas untuk berkelah.

"Tempat ini memang jadi pilihan sebab udaranya lebih sejuk dan persekitarannya semula



ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk berkelah dan mandi-manda di Taman Rimba Teluk Bahang, Pulau Pinang ketika cuaca panas. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

jadi.

"Walaupun ramai pengunjung, suasana masih nyaman. Kawasan hutan dan aliran air sungai membantu mengurangkan rasa panas selain sesuai untuk aktiviti santai bersama rakan dan keluarga," katanya.

Sementara itu, di Pusat Rekreasi Sungai Pinang pula, orang ramai juga memanfaatkan masa yang terluang di situ untuk berkelah, mandi sungai dan berehat di bawah rimbunan pokok bagi mengelakkan bahang cuaca panas terik.